

NO SOALAN : 45

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,**

**PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI  
MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 23.10.17  
(ISNIN)**

**SOALAN:**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan pencerahan memandangkan usia persaraan kakitangan awam telah berubah terma, perkhidmatan warga angkatan tentera akan diubah oleh Majlis Angkatan Tentera Malaysia dan tidak tertakluk kepada perkhidmatan awam.

123

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan pengumuman kerajaan terhadap usia persaraan kakitangan awam, perkara ini turut melibatkan pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat (LLP) ATM. Walau bagaimanapun, terma dan syarat-syarat perkhidmatan serta persaraan kakitangan awam dan anggota tentera adalah tidak sama memandangkan persaraan pegawai ATM berdasarkan kepada pangkat dan umur, manakala bagi anggota LLP pula adalah mengikut tempoh perkhidmatan mereka.